

Pandemik buka peluang universiti teroka ilmu baharu

Secara umumnya, seluruh rakyat mengetahui penularan wabak COVID-19 yang meragut hampir sejuta nyawa di seluruh dunia dan memberi impak besar pada setiap peringkat.

Dunia masih berdepan dengan pandemik ini kerana selagi penawar sebenar belum ditemui, setiap individu perlu menerima norma baharu dengan lebih terbuka.

Pada masa sama, kita perlu mengambil tindakan sewajarnya agar wabak ini dapat ditangani lebih baik. Melihat analogi wang syiling mempunyai dua bahagian, COVID-19 juga boleh dilihat sebagai masalah atau cabaran yang membuka ruang kepada pelbagai penelitian ilmu baharu yang kadang kala melangkaui batas pemikiran manusia.

COVID-19 boleh dianggap sebagai antara krisis dunia yang membuatkan ramai orang lebih bersedia untuk berhadapan dengan apa jua krisis pada kemudian hari.

Mengambil kira krisis pandemik COVID-19 yang banyak mengubah landskap pendidikan tinggi di seluruh dunia, ada keperluan mendesak agar universiti mengambil tindakan tangkas dan terbaik dalam usaha mengekalkan fungsinya sebagai gedung ilmu melalui pelbagai kaedah dan platform.

Banyak wacana dianjurkan yang bertujuan berkongsi amalan, strategi dan dasar semasa yang dilaksanakan di universiti, seterusnya membawa perdebatan ilmiah bagi mendapatkan pandangan serta cadangan terbaik demi memastikan kelangsungan fungsi universiti agar terus relevan dan berdaya saing.

Sejauh mana universiti berjaya mendepani situasi ini dengan berhemah, bergantung kepada penerimaan masyarakat, terutama pemegang taruhnya seperti pelajar sama ada tempatan atau antarabangsa, ibu bapa, ahli akademik, majikan, komuniti, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Perkara ini dibincangkan secara mendalam melalui Webinar Universiti Teknologi MARA (UiTM)-Pertubuhan Pembangunan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan Tinggi Malaysia (PenDaPaT) yang menganalisis tajuk *Navigating Future Direction of Higher Education in Malaysia* baru-baru ini.

Sebagai contoh, dalam konteks dasar dan tadbir urus, panel mengakui keperluan memahami peranan asas sebuah universiti secara umum serta tujuan utama universiti untuk kekal berhubung. Ia membabitkan tujuan pembangunan modal insan dan pembangunan bakat; menjalankan penyelidikan dan inovasi yang menyokong kepentingan negara, serta penyediaan perkhidmatan bagi mengembangkan peradaban dan ketamaduan.



Prof Dr Nor Aziah Alias



Prof Madya Dr Yarina Ahmad

Seorang ahli panel wacana, iaitu Prof Datuk Dr Norzaini Azman berkongsi tiga trend yang mencorak hala tuju pendidikan tinggi di negara ini. Trend pertama membabitkan ketidaktentuan politik nasional dan global.

Trend ini memberi impak kepada kurang layanan terhadap pelajar, termasuk mereka yang berhijrah terutama ke Barat; pengurangan peruntukan kewangan bagi tujuan mobiliti pelajar dan pensyarah serta impak terhadap polisi khusus dalam sistem pendidikan tinggi.

Contohnya, untuk mendapatkan kelulusan visa bagi pelajar dan profesor, impak dari segi sekatan imigresen bagi mendapatkan visa diperlukan, peningkatan yuran pengajian pelajar antara-

bangsa serta impak terhadap pengantarabangsaan dan regionalisasi dalam pendidikan tinggi di Asia, terutama ketika wabak COVID-19.

Dalam mendepani trend ini, beliau yang juga Pengurus PenDaPaT menggariskan beberapa strategi, termasuk pertama, memberi penekanan kepada pendidikan tinggi untuk masa hadapan negara, iaitu kepentingan negara, keselamatan, ekonomi.

Kedua, keperluan menghasilkan graduan yang cinta negara, manakala ketiga, galakan berfikiran secara global dan bertindak pada peringkat setempat. Keempat, peranan pakar sebagai intelektual awam dan kelima, kewujudan corak global baharu dari aspek mobiliti pelajar dan kakitangan akademik.

Seterusnya, COVID-19 meningkatkan penggunaan teknologi dan sains. Antara isu dan cabaran berkaitan dengan trend ini ialah isu pembelajaran secara maya dan bekerja dari rumah serta jurang digital semakin meruncing bagi individu yang dapat dengan tidak dapat mengakses internet.

Selain itu, meningkatkan peranan pakar untuk memberi pandangan ke arah penambahbaikan polisi dan peranan hasil penyelidikan yang dijalankan bagi tujuan membuat keputusan lebih berkesan.

Justeru, beberapa strategi boleh dicadangkan bagi menghadapi trend ini seperti pembangunan polisi bekerja dari rumah; penambahbaikan infrastruktur dan infostruktur serta keperluan mengumpul data mengenai isu teknologi, pembangunan dan penyampaian kursus.

Trend terakhir dikenalpasti adalah kesejahteraan sejagat. Dalam hal ini, pendidikan tinggi perlu memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada arah kesejahteraan sejagat. Selain itu,

pendidikan tinggi perlu bergerak kepada perubahan sosial, menghasilkan pengetahuan untuk kebaikan umum dan seterusnya menyumbang kepada pembuatan dasar agar dapat dimanfaatkan masyarakat.

Ketiga-tiga trend pendidikan tinggi diketengahkan ini mampu mempengaruhi dasar dan tadbir urus pendidikan tinggi semasa serta masa hadapan. Bagaimanapun, ia bergantung sejauh mana pendidikan tinggi di negara ini mengambil tindakan dengan merancang strategi terbaik dan disokong polisi serta tadbir urus baik.

Tuntasnya, dalam membincangkan hala tuju pendidikan tinggi negara, terdapat banyak aspek berkaitan perlu dipertimbangkan. Ia memerlukan tumpuan dan sokongan kerajaan, selari dengan polisi serta tadbir urus baik dan berkesan. Peranan asas universiti perlu dikekalkan. Bagaimanapun, universiti mesti lebih terbuka dalam memenuhi keperluan dan menangani cabaran baharu.

Melalui pengiktirafan sebagai industri pengajian tinggi, tidak bermakna universiti hanya dilihat sebagai penjana ekonomi dan penentu pengiktirafan global. Sebaliknya, peranan universiti perlu diseimbangkan dengan amanah dan tanggungjawab dalam usaha melahirkan warga berilmu mampu memanfaatkan ilmu dan berakhlaq tinggi.

Ini dapat dicapai melalui usaha dicorakkan identiti negara kita berbilang kaum, berperadaban tinggi dan harmoni bagi kemakmuran bersama.

Penulis adalah Pengarah Pembangunan Akademik, Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Pensyarah Fakulti Sains Pentadbiran & Pengajian Polisi (FSPPP), Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Pendidikan tinggi perlu memainkan peranan penting dalam menyumbang ke arah kesejahteraan sejagat. Selain itu, pendidikan tinggi perlu bergerak kepada perubahan sosial, menghasilkan pengetahuan untuk kebaikan umum dan seterusnya menyumbang kepada pembuatan dasar agar dapat dimanfaatkan masyarakat.

